SOALAN LAZIM (FAQ) MENGENAI PELAKSANAAN PENSIJILAN PROGRAM KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (PKKM, KKM) SEBAGAI PRA-SYARAT PEROLEHAN PEMBEKALAN MAKANAN BERMASAK DAN/ATAU PERKHIDMATAN PENYEDIAAN MAKANAN DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Bilakah bermulanya pelaksanaan program ini?	Program ini telah mula dilaksanakan secara rintis iaitu Fasa 1.0 bermula pada 9 Januari 2025 hingga 30 November 2025 dengan hanya melibatkan Pusat Tanggungjawab (PTJ) beralamat di Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Kuala Lumpur sahaja.
2.	Mengapa ia dilanjutkan ke Fasa 2.0?	Berdasarkan Laporan Keberkesanan Pelaksanaan Fasa 1.0, program ini menunjukkan impak yang positif dalam mengurangkan risiko kejadian keracunan makanan, sekaligus membuktikan bahawa mekanisme kawalan yang diperkenalkan adalah berkesan. Justeru itu, kerajaan bersetuju untuk melanjutkan dan meluaskan pelaksanaan program ini ke Fasa 2.0 pula. Pelaksanaan Fasa 2.0 berkuatkuasa mulai 1 Februari 2026 hingga 30 Januari 2027 dan melibatkan lebih banyak Pusat Tanggungjawab (PTJ).
3.	Pusat Tanggungjawab (PTJ) manakah terlibat dalam pelaksanaan pensijilan PKKM, KKM sebagai pra-syarat perolehan pembekalan makanan	Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang terlibat dalam pelaksanaan pensijilan KKM sebagai pra-syarat pembekalan makanan dalam perolehan kerajaan merujuk kepada PTJ yang beralamat di Wilayah Persekutuan Putrajaya, Kuala Lumpur, Labuan, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka seperti berikut:

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
	dalam perolehan kerajaan (fasa 2.0) ini?	

Alamat PTJ	Lokasi Pembekalan/Penerimaan Perkhidmatan	Status Keperluan Sijil PKKM
Mana-mana PTJ beralamat di WP Putrajaya.	Mana-mana lokasi beralamat di WP Putrajaya/ Kuala Lumpur/ Labuan/ Selangor/ Negeri Sembilan/ Melaka.	**WAJIB**
Mana-mana PTJ beralamat di WP Kuala Lumpur.	Mana-mana lokasi beralamat di WP Putrajaya/ Kuala Lumpur/ Labuan/ Selangor/ Negeri Sembilan/ Melaka.	
Mana-mana PTJ beralamat di WP Labuan.	Mana-mana lokasi beralamat di WP Putrajaya/ Kuala Lumpur/ Labuan/ Selangor/ Negeri Sembilan/ Melaka.	
Mana-mana PTJ beralamat di Selangor.	Mana-mana lokasi beralamat di WP Putrajaya/ Kuala Lumpur/ Labuan/ Selangor/ Negeri Sembilan/ Melaka.	
Mana-mana PTJ beralamat di Negeri Sembilan.	Mana-mana lokasi beralamat di WP Putrajaya/ Kuala Lumpur/ Labuan/ Selangor/ Negeri Sembilan/ Melaka.	

BIL.	SOALAN	JAWAPAN		
		Mana-mana PTJ beralamat di Melaka.	Mana-mana lokasi beralamat di WP Putrajaya/ Kuala Lumpur/ Labuan/ Selangor/ Negeri Sembilan/ Melaka.	
		Mana-mana lokasi beralamat di WP Putrajaya/ Kuala Lumpur/ Labuan/ Selangor/ Negeri Sembilan/ Melaka.	Mana-mana lokasi beralamat **SELAIN** di WP Putrajaya/ Kuala Lumpur/ Labuan/ Selangor/ Negeri Sembilan/ Melaka.	**DIGALAKKAN**
		Mana-mana lokasi beralamat **SELAIN** di WP Putrajaya/ Kuala Lumpur/ Labuan/ Selangor/ Negeri Sembilan/ Melaka.	Mana-mana lokasi beralamat di WP Putrajaya/ Kuala Lumpur/ Labuan/ Selangor/ Negeri Sembilan/ Melaka.	
		Mana-mana lokasi beralamat **SELAIN** di WP Putrajaya/ Kuala Lumpur/ Labuan/ Selangor/ Negeri Sembilan/ Melaka.	Mana-mana lokasi beralamat **SELAIN** di WP Putrajaya/ Kuala Lumpur/ Labuan/ Selangor/ Negeri Sembilan/ Melaka.	

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		Beserta kementerian berikut:

Bil.	Kementerian	Institut yang diwajibkan pematuhan sijil KKM	Lokasi Penghantaran/ Penerimaan Perolehan
1.	Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF)	a) Institut pengajian awam	Wajib bagi pengemukaan sijil PKKM bagi penghantaran/penerimaan bekalan/perkhidmatan di dalam premis institusi berkenaan termasuk dewan makan dan kafetaria/ kantin.
		b) Pusat/Institut latihan awam	
2.	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	a) Sekolah berasrama penuh	
		b) Sekolah harian Kerajaan	
		c) Institusi pendidikan	
		d) Pusat/Institut latihan awam	
3.	Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)	a) Klinik dan hospital Kerajaan	
		b) Pusat/Institut latihan awam	
		c) Institut perubatan/ penyelidikan Kerajaan	
4.	Kementerian Sumber	a) Pusat/ Institut latihan awam/ kemahiran/ perindustrian	

BIL.	SOALAN	JAWAPAN				
				Manusia (KESUMA)		
			5.	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)	a) Pusat/ Institut latihan awam/ kemahiran	
					b) Institut kebajikan	
					c) Pusat jagaan	
			6.	Kementerian Dalam Negeri (KDN)	a) Pusat/Institut latihan awam	
			7.	Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)	a) Institut pengajian awam	
					b) Pusat/ Institut latihan awam/ kemahiran	
			8.	Kementerian Belia dan Sukan (KBS)	a) Institut pengajian awam	
					b) Pusat/Institut latihan awam/ kemahiran	
			9.	Kementerian	a) Institut pengajian awam	

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		<table><tr><td></td><td>Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)</td><td>b) Pusat/ Institut latihan awam/ kemahiran</td><td rowspan="2"></td></tr><tr><td></td><td></td><td>c) Sekolah berasrama penuh</td></tr></table> Untuk maklumat lebih terperinci boleh rujuk kepada garis panduan program ini pada pautan berikut : https://hq.moh.gov.my/fsq/garis-panduan-bekal
4.	Kenapakah 5 negeri ini dan 9 kementerian ini dipilih dalam program rintis fasa 2.0 ini?	5 negeri dan 9 kementerian berikut dipilih dalam program rintis fasa 2.0 adalah kerana: Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya merupakan pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan sesuai dijadikan penanda aras pembekalan makanan selamat di semua fasiliti kementerian seluruh Malaysia. Selangor dan Negeri Sembilan pula merupakan hab utama rantaian bekalan makanan serta negeri sokongan strategik kepada pusat pentadbiran Persekutuan. Melaka dipilih kerana peranannya sebagai destinasi pelancongan utama negara, dimana peluasan pelaksanaan di Melaka dapat memperkukuh keyakinan pengguna dan pelancong terhadap keselamatan makanan Malaysia. Wilayah Persekutuan Labuan pula penting bagi memastikan keseragaman standard keselamatan makanan antara Semenanjung dan Malaysia Timur.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		Pelaksanaan keperluan ini diperluaskan kepada 9 kementerian yang berkaitan adalah sebagai penanda aras pembekalan makanan yang merentasi institusi latihan, universiti awam, sekolah, hospital, asrama dan kafeteria/kantin yang berpotensi menyebabkan kejadian keracunan makanan secara berkelompok.
5.	Apakah pensijilan PKKM yang disyaratkan dalam pelaksanaan program ini?	Pensijilan PKKM ini bertujuan bagi memastikan pengusaha makanan yang membekalkan makanan mempunyai satu standard bagi menghasilkan makanan yang selamat. PKKM menawarkan tiga jenis pensijilan untuk program ini. Pembekal makanan perlu mempunyai salah satu pensijilan PKKM berikut bergantung kepada jenis perniagaan: a) Pengiktirafan BeSS (Bersih dan Selamat): - Pengiktirafan ini diberikan kepada premis makanan jenis kedai makan, restoran, kiosk, outlet makanan dan kenderaan menjual makanan (*food truck*). b) Pensijilan *Trust MyCatering* (TMC): – Untuk syarikat katering berskala kecil, sederhana atau besar (*mass*) c) Penyenaraian Pengusaha Makanan Sediaan di Rumah (*Home-based Food*): - Untuk pengusaha makanan yang menghasilkan makanan di dapur rumah untuk tujuan jualan.
6.	Bagaimanakah cara memohon pensijilan tersebut?	Cara memohon tiga pensijilan tersebut adalah seperti berikut: a) Pengiktirafan BeSS (Bersih dan Selamat):

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		- Permohonan secara atas talian melalui sistem FoSIM di pautan berikut: https://fosim.moh.gov.my/fssm/public/home b) Pensijilan *Trust MyCatering* (TMC): - Borang dan dokumen permohonan boleh didapati di laman sesawang rasmi PKKM pada pautan berikut: https://hq.moh.gov.my/fsq/xs/index.php - Permohonan bersama dokumen sokongan yang lengkap hendaklah dihantar ke Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) /Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) berdekatan. c) Penyenaraian Pengusaha Makanan Sediaan di Rumah (*Home-based Food*): - Borang dan dokumen permohonan boleh didapati di laman sesawang rasmi PKKM pada pautan berikut: https://hq.moh.gov.my/fsq/xs/index.php - Permohonan bersama dokumen sokongan yang lengkap hendaklah dihantar ke PKD/JKN berdekatan atau emel dokumen permohonan ke emel: homebasedfood.bkkm@moh.gov.my.
7.	Adakah mencukupi sekiranya telah mempunyai salah satu pensijilan?	YA. Memadai sekiranya pensijilan yang telah diperolehi masih dalam sah tempoh laku dan mengikuti jenis perniagaan.
8.	Bagaimana sekiranya alamat syarikat dan tempat memasak adalah berbeza?	Pensijilan diberikan kepada alamat lokasi premis yang menyediakan makanan.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
9.	Sekiranya pihak pembekal makanan mengupah katerer/ pembekal sokongan, adakah pihak katerer/ pembekal sokongan perlu mempunyai salah satu pensijilan PKKM?	YA, pihak katerer/ pembekal sokongan tersebut perlu mempunyai salah satu pensijilan PKKM.
10.	Jika saya mempunyai sebarang pertanyaan, kepada siapa saya boleh bertanya?	Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada: a) E-mel rasmi : bekal.kkm@moh.gov.my b) Panggilan telefon/ Secara bersemuka (walk-in) : - Ibu Pejabat Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM) - Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan Negeri (BKKM, JKN) - Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan, Pejabat Kesihatan Daerah (UKKM, PKD)
11.	Bagaimanakah cara kami mendapatkan senarai terkini pemegang pensijilan dengan segera?	Senarai pemegang terkini di seluruh Malaysia bagi pensijilan boleh disemak di laman sesawang rasmi PKKM pada pautan berikut: https://hq.moh.gov.my/fsq/xs/index.php
12.	Jika saya telah memohon pensijilan, bolehkah saya sertakan bukti permohonan sebagai dokumen sokongan dalam perolehan kerajaan?	Pembekal makanan yang sedang dalam proses permohonan pensijilan KKM dan berminat untuk membekalkan makanan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) boleh mengemukakan Borang Notifikasi Pengesahan Persetujuan/ Penerimaan/ Pemprosesan Permohonan Pensijilan Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM) , KKM sebagai Pra- Syarat Perolehan Pembekalan Makanan Bermasak/ Perkhidmatan Penyedia Makanan dalam

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		Perolehan Kerajaan (Fasa 2.0) kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) tersebut sebagai dokumen sokongan semasa peringkat perolehan. Borang notifikasi ini boleh didapati daripada pegawai di Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan, Pejabat Kesihatan Daerah (UKKM, PKD)/ Jabatan Kesihatan Negeri (BKKM, JKN) yang berdekatan. Pegawai akan mengemukakan borang ini setelah permohonan yang lengkap diterima daripada pembekal makanan. Borang notifikasi ini hanya terpakai sehingga 1 Mei 2026 sahaja. Selepas tempoh ini, pembekal makanan perlu kemukakan salah satu pensijilan PKKM sebagai pra- syarat pelawaan dan dokumen sokongan bagi memproses bayaran dalam perolehan kerajaan.
13.	Adakah terdapat sebarang denda jika pembekal makanan tidak memohon salah satu pensijilan PKKM yang ditawarkan dalam pelaksanaan program ini?	TIDAK, tetapi pensijilan ini adalah wajib sebagai pra-syarat pembekalan makanan dalam perolehan kerajaan.
14.	Berapakah bayaran yang dikenakan bagi permohonan pensijilan PKKM yang ditawarkan dalam pelaksanaan program ini ?	Permohonan bagi ketiga-tiga pensijilan yang ditawarkan dalam program ini adalah PERCUMA.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
15.	Adakah slip / cetakan perakuan pendaftaran premis KKM (melalui sistem FoSIM) dikira sebagai sijil KKM dan memenuhi ketetapan KKM?	TIDAK. Slip/ cetakan perakuan pendaftaran premis KKM (melalui sistem FoSIM) adalah salah satu dokumen yang perlu dikemukakan semasa membuat permohonan bagi ketiga-tiga pensijilan KKM yang ditawarkan dalam pelaksanaan program ini.
16.	Bolehkah pembayaran perolehan kerajaan diproses tanpa salinan sijil PKKM dikemukakan?	TIDAK. Pembayaran perolehan kerajaan tidak akan diproses tanpa salinan sijil PKKM yang sah.
17.	Sekiranya saya mempunyai 5 premis untuk menjadi pembekal, adakah kesemua premis ini perlu mempunyai pensijilan PKKM?	YA, setiap 5 premis perlu mempunyai pensijilan PKKM yang masih dalam sah laku dan mengikuti kategori perniagaan.
18.	Adakah Program Keselamatan Makanan (ProKEM) Dapur Asrama boleh digunakan sebagai suatu pensijilan terhadap pihak pembekal dapur asrama?	TIDAK. Program Keselamatan Makanan (ProKEM) Dapur Asrama dibangunkan bagi menambahbaik Program Pemeriksaan Sendiri (KENDIRI) di dapur asrama sekolah/institusi. Ia bukanlah suatu pensijilan PKKM.
19.	Adakah pihak hotel perlu mempunyai kedua-dua pensijilan BeSS dan TMC jika perlaksanaan	Pengiktirafan BeSS adalah untuk premis makanan sama ada makanan disedia, diproses, disimpan, atau dihidangkan untuk jualan seperti medan selera, restoran, kafeteria, kedai makan, café, bistro, *coffee house* dan kiosk.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
	program keramaian seperti majlis seminar, mesyuarat, persidangan dan majlis keramaian yang lain dilaksanakan di hotel?	Bagi pensijilan *Trust MyCatering* (TMC) pula adalah untuk perkhidmatan penyediaan makanan untuk sesuatu acara, majlis perkahwinan, jamuan, rumah terbuka, seminar, konvensyen, mesyuarat atau majlis-majlis lain. Oleh itu pihak hotel perlu memohon Pensijilan *Trust MyCatering* (TMC) jika perlu menyediakan makanan untuk acara seperti majlis perkahwinan, jamuan, seminar, konvensyen, mesyuarat atau majlis-majlis lain.